

# Setiu perintis pendidikan tidak berorientasi peperiksaan

UM - 25/1/2010

**PUTRAJAYA** 24 Jan. – Semua sekolah di daerah Setiu, Terengganu akan menjadi perintis pelaksanaan sistem pendidikan yang tidak terlalu berorientasikan peperiksaan, secara berperingkat-peringkat mulai tahun ini.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, pemilihan sekolah-sekolah di daerah tersebut dibuat kerana semuanya melaksanakan persekolahan satu sesi.

“Kita akan melaksanakan dasar ini pada 2010 tetapi sebagai perintis kita boleh mula dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk sekolah-sekolah tertentu tetapi halangannya ialah jika sekolah masih lagi dua sesi.

“Jadi sebagai perintis ke arah pelaksanaan dasar baru ini, kita akan mulakan di sekolah-sekolah di Setiu yang merupakan daerah angkat Kementerian Pelajaran yang melaksanakan persekolahan satu sesi. Agak mustahil untuk kita terapkan di sekolah dua sesi,” katanya.

Hishammuddin berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat rakan sejawatannya dari Brunei, Pehin Datuk Awang Abdul Rahman Mohamed Taib dan 10 anggota rombongannya, di sini hari ini.

Menurutnya, satu kajian terperinci akan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kementerian itu terhadap semua sekolah di Setiu untuk melihat keperluan-keperluan termasuk guru-guru pakar.

November lalu, Hishammuddin berkata, kerajaan akan meningkatkan kajian mewujudkan sistem pendidikan di negara ini yang tidak terlalu berorientasikan peperiksaan

dan menjadikan pencapaian dalam peperiksaan sebagai syarat memasuki institusi pengajian tinggi (IPT).

Sebaliknya, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi akan mewajibkan 10 peratus pencapaian dalam kokurikulum terutama sukan sebagai syarat masuk ke pusat pengajian tersebut.

Dalam pada itu, beliau menegaskan kerajaan tidak akan memansuhkan peperiksaan-peperiksaan peringkat nasional iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

## Pandangan

Katanya, peperiksaan-peperiksaan tersebut tetap merupakan proses ‘penapisan’ akademik di peringkat sekolah yang wajib ditempuh oleh semua pelajar.

“Tapi bagaimana penekanan semua peperiksaan itu dilaksanakan akan dilihat dan kita mengharapkan pandangan serta maklum balas orang ramai, ibu bapa dan pihak sekolah untuk merealisasikan perkara ini,” tambah beliau.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kedudukan dan keperluan sekolah-sekolah sukan di negara ini bagi mencapai objektif meningkatkan pencapaian sukan tanah air dalam RMK-9.

“Bagaimanapun, kedudukan perkara ini akan bergantung kepada kajian melibatkan sekolah seumpama itu seperti yang ada sekarang di Bukit Jalil (Kuala Lumpur) dan Bandar Penawar (Johor).



HISHAMMUDDIN Tun Hussein menerima kunjungan hormat Awang Abdul Rahman Mohamed Taib di pejabatnya di Putrajaya, semalam.